DATO' SERI YUSOF DATO' BIJI SURA A

lwn.

BTM TIMBER INDUSTRIES SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
RAMLY ALI H
[GUAMAN NO: D5-26-8-2006]
20 NOVEMBER 2006

PROSEDUR SIVIL: *Penghinaan mahkamah - Perintah komital - Permohonan - Kegagalan mematuhi perintah Anton Pillar - Sama ada terma-terma yang terkandung tidak jelas (ambiguous) - Sama ada perintah terlalu luas dan umum untuk dipatuhi - Sama ada pempetisyen gagal membuktikan kes secara 'beyond reasonable doubt' terhadap dakwaan 'act of contempt' - Sama ada permohonan ditolak* C D

Kandungan 27 adalah merupakan notis usul yang difailkan oleh pempetisyen untuk tindakan prosiding komital terhadap satu Dato' Seri Yong Tu Sang, Yong Ellen, Choi Owi Yok dan Yeong Khee Seng atas kegagalan mereka mematuhi perintah Anton Pillar yang dikeluarkan oleh mahkamah ini secara *ex parte*. Perintah *ex parte* Anton Pillar, antara lain, memerintahkan responden-responden dan orang-orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas pejabat berdaftar dan premis perniagaan responden 1 dan responden 3 untuk membenarkan wakil-wakil pempetisyen untuk memasuki pejabat berdaftar mereka untuk tujuan mencari, memeriksa, mengambil gambar dan/atau melihat salinan dan menyerahkan semua dokumen dan artikel yang tersenarai di dalam jadual atau yang peguam penyelia pempetisyen percaya adalah item tersenarai kepada peguam pempetisyen untuk disimpan dengan selamat. Pempetisyen mendakwa responden 2 dan tiga orang lain yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis-premis berkenaan telah gagal mematuhi perintah Anton Pillar *ex parte* tersebut walaupun perintah tersebut dan lain-lain dokumen berkaitan telah pun diserahkan kepada mereka. E F G H

Diputuskan (menolak permohonan pempetisyen):

(1) Penghinaan mahkamah (contempt of court) adalah merupakan satu kesalahan yang berbentuk jenayah. Oleh itu kesalahan tersebut mestilah dibuktikan 'beyond reasonable doubt' ke atas setiap orang yang didakwa melakukannya. (perenggan 5) I

A **(2)** Terma-terma yang terkandung di dalam perintah Anton Pillar tersebut sebenarnya adalah tidak jelas (ambiguous) untuk dipatuhi oleh mana-mana pihak. Terma 'orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis' berkenaan seperti yang terkandung di dalam perintah tersebut adalah tidak jelas dan
B mengelirukan untuk tujuan pelaksanaan perintah Anton Pillar tersebut dan seterusnya untuk tujuan prosiding komital. (perenggan 9)

(3) Tidak jelas tentang senarai di dalam jadual 1 kepada perintah
C Anton Pillar tersebut yang perlu di 'searched, inspected, photographed and delivered for safe keeping of the plaintiff's solicitors'. Ianya terlalu luas, umum dan 'practically impossible' untuk dipatuhi dan dilaksanakan oleh responden. Secara keseluruhan, perintah Anton Pillar tersebut pada kesannya
D lebih merupakan 'fishing expedition' oleh pihak pempetisyen. (perenggan 10)

(4) Pempetisyen telah gagal untuk membuktikan kesnya terhadap kesemua empat orang yang berkenaan secara 'beyond
E reasonable doubt' terhadap dakwaan 'act of contempt' seperti yang didakwa oleh pempetisyen. Mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa permohonan pempetisyen untuk mengkomit kesemua empat orang berkenaan (kandungan 27) adalah ditolak. (perenggan 14)

F **Kes-kes yang dirujuk:**

Mah Siew Keong v. Bayu Gamitan Sdn Bhd [2002] 1 CLJ 695 CA ***(dirujuk)***

Polygram Records Sdn Bhd & Ors v. Phua Tai Eng [1986] 2 MLJ 87 ***(dirujuk)***

G *Re Bramblevale Ltd [1970] Ch 128* ***(dirujuk)***

Tay Siew Kiat v. Wan Leong Chai [2004] 7 CLJ 344 HC ***(dirujuk)***

Sumber yang dirujuk:

Artlidge, Eady & Switch on Contempt, 2nd edn, para 12-43, p 746

H *Bagi pihak pempetisyen - Khalid A Jalil (Kamarul Arifin & Hanif Idris bersamanya); T/n Dennis Nik & Wong*

Bagi pihak defendan & Contemnor - Dato' Mokhtar Ngah; T/n Mokhtar Ngah & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

I

PENGHAKIMAN

Ramly Ali H:

[1] Kandungan 27 adalah merupakan notis usul yang difailkan oleh pempetisyen, Dato' Seri Yusuf bin Dato' Biji Sura @ Mohamad, untuk tindakan prosiding komital terhadap Dato' Seri Yong Tu Sang, Yong Ellen, Choi Owi Yok dan Yeong Khee Seng atas kegagalan mereka mematuhi perintah Anton Pillar bertarikh 16 Febuari 2006 yang dikeluarkan oleh mahkamah ini secara *'ex parte'*.

[2] Perintah *'ex parte'* Anton Pillar bertarikh 16 Febuari 2006, antara lain, memerintahkan responden-responden dan orang-orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas pejabat berdaftar dan premis perniagaan responden 1 dan responden 3 untuk membenarkan wakil-wakil pempetisyen untuk memasuki pejabat berdaftar responden 1 di alamat KM 33, Jalan Kuala Berang, 21800 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman; premis perniagaan responden 1 di alamat No: 35, Jalan PJU 1/41, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan; pejabat berdaftar responden 3 di alamat 149-A, Jalan Aminudin Baki, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur dan premis perniagaan responden 3 di alamat Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai, Batu 18, Jalan Kuala Berang, 21800, Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman, untuk tujuan mencari, memeriksa, mengambil gambar dan/atau membuat salinan dan menyerahkan semua dokumen (asal, salinan atau selainnya) dan artikel yang tersenarai di dalam Jadual atau yang Peguam Penyelia Pempetisyen percaya adalah item tersenarai, kepada Peguamcara Pempetisyen untuk disimpan dengan selamat

[3] Pempetisyen mendakwa responden 2 dan 3 orang lain yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis-premis berkenaan telah gagal mematuhi perintah Anton Pillar *'ex parte'* tersebut walaupun perintah tersebut dan lain-lain dokumen berkaitan telah pun diserahkan kepada mereka.

[4] Melalui prosiding komital ini, pempetisyen menamakan 4 orang untuk diambil tindakan komital, iaitu:

(a) Dato' Seri Yong Yu Sang, (responden 2) sebagai pengarah responden 1 dan responden 3;

A (b) Yong Ellen, sebagai orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis perniagaan responden 1 yang terletak di No: 35, Jalan PJU 1/41 Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan;

B (c) Chai Owi Yok, sebagai setiausaha eksekutif dan juga Pengurus Akaun dan Pentadbiran responden 1, dan kelihatan mempunyai kawalan ke atas pejabat berdaftar responden 1 yang terletak di KM 33, Jalan Kuala Berang, 21800 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman; dan

C (d) Yeong Khee Seng, iaitu Pengurus Besar responden 3 dan kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis perniagaan responden 3 yang terletak di Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai, Batu 18, Jalan Kuala Berang, 21800 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman.

D

Pendapat Mahkamah

[5] Penghinaan mahkamah (contempt of court) adalah merupakan satu kesalahan yang berbentuk jenayah. Oleh itu kesalahan E tersebut mestilah dibuktikan 'beyond reasonable doubt' ke atas setiap orang yang didakwa melakukannya. Mengikut Lord Denning MR di dalam kes *Re Bramblevale Ltd.* [1970] Ch. 128 at 317:

> A contempt of Court is an offence of a criminal character. A man F may be sent to prison for it. It must be satisfactionarily proved. To use the time honoured phrase, it must be proved beyond reasonable doubt.

(lihat juga kes-kes: *Polygram Records Sdn. Bhd. & Ors v. Phua Tai Eng* [1986] 2 MLJ 87; *Tay Siew Kiat v. Wan Leong Chai* [2004] 7 G CLJ 344).

[6] Di dalam sesuatu prosiding komital mahkamah biasanya mengikut 3 langkah, seperti yang telah digariskan di dalam kes *Tay Siew Kiat v. Wan Leong Chai (supra)* seperti berikut:

H > In such contempt proceedings it is incumbent upon the Court to embark upon a three-step approach. Firstly, to examine critically, with a fine toothcomb, the precise nature and ambit of the order made. Secondly, to ask whether there was a contemptuous or contumelious breach of order. And, thirdly, whether the breach I occurred after the alleged contemptnor was served with the order, which order must essentially bear the penalty endorsement.

[7] Langkah pertama ialah meneliti secara kritikal terma-terma dan bidang (ambit) perintah Anton Pilar *(ex parte)* bertarikh 16 Febuari 2006 yang dijadikan asas oleh pempetisyen bagi prosiding komital ini terhadap empat orang yang berkenaan. Mahkamah mesti berpuashati terlebih dahulu bahawa perintah Anton Pillar *(ex parte)* tersebut merupakan perintah yang jelas (unambiguous) dan senang untuk difahami dan dilaksanakan atau dipatuhi. Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Mah Siew Keong v. Bayu Gamitan Sdn. Bhd.* [2002] 1 CLJ 695 di mana Gopal Sri Ram JCA telah memutuskan:

> In our view, if, as here, an *ex parte* injunction is drafted in wide and ambiguous terms, it is, difficult, if not impossible, to identify particular acts of contempt.

[8] Di dalam kes yang sama (Mah Siew Keong) Mahkamah Rayuan telah memetik dan menerimapakai petikan daripada buku "*Artlidge, Eady & Switch on Contempt* (2nd edn) para 12-43, p. 746" yang menyatakan:

> An order or undertaking will not be enforced by committal if its terms are ambiguous, the rule being analogous to that which governs the interpretation of penal statutes. It is to the terms of the order itself that one must look in order to define the obligations imposed.

[9] Di dalam kes ini setelah mendengar keterangan dan hujahan responden dan meneliti isi kandungan perintah Anton Pillar bertarikh 16 Febuari 2006 berkenaan (yang panjangnya 14 muka surat) mahkamah mendapati terma-terma yang terkandung di dalam perintah Anton Pillar tersebut sebenarnya adalah tidak jelas (ambiguous) untuk dipatuhi oleh mana-mana pihak. Terma "orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis" berkenaan seperti yang terkandung di dalam perintah tersebut adalah tidak jelas dan mengelirukan (ambiguous) untuk tujuan pelaksanaan perintah Anton Pillar tersebut dan seterusnya untuk tujuan prosiding komital.

[10] Juga tidak jelas ialah tentang senarai di dalam Jadual 1 kepada perintah Anton Pillar tersebut yang perlu di "searched, inspected, photographed and delivered for safe keeping of the plaintiff's solicitors". Ianya adalah terlalu luas, umum dan 'practically impossible' untuk dipatuhi dan dilaksanakan oleh

A responden. Secara keseluruhan, perintah Anton Pillar tersebut pada kesannya lebih merupakan 'fishing expedition' oleh pihak pempetisyen. Ianya merangkumi 'price sensitive information' di dalam perniagaan responden seperti 'invoices, sales journal' dan sebagainya. Begitu juga item (o) di dalam senarai Jadual 1 tersebut
B yang menyatakan:

> sebarang dokumen lain yang relavan terhadap tindakan ini adalah terlalu umum dan tidak jelas untuk tujuan perlaksanaan dan prosiding komital ini. Begitu juga kedudukannya bagi item (l) dan (m) bagi "surat-surat dan koresponden dan "mesej faksimili" dan
C "mesej mel elektronik".

[11] Soalan seterusnya ialah "to ask whether there was a contemptuous or contumelious breach of that order".

D **[12]** Seperti yang telah diterangkan di atas, terma-terma perintah Anton Pillar bertarikh 16 Febuari 2006 tersebut adalah terlalu umum dan tidak jelas (vague and ambiguous), maka, mengikut kata-kata Gopal Sri Ram JCA di dalam kes *Mah Siew Keong (supra):*

E

> if ... an *ex parte* injunction is drafted in wide and ambiguous terms, it is difficult, if not impossible, to identify particular acts of contempt.

[13] Di dalam kes ini, pihak pempetisyen telah gagal untuk
F membuktikan secara 'beyond reasonable doubt' yang menunjukkan empat orang yang berkenaan telah melakukan "any specific acts of contempt". Kedudukan tiga orang yang dikatakan "kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis-premis berkenaan" juga tidak dibuktikan secara "beyond reasonable doubt". Mereka mungkin
G memegang jawatan-jawatan tertentu di dalam responden 1 dan responden 3, tetapi ini tidak bermakna (jika tidak dibuktikan) yang mereka "merupakan orang yang kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis-premis berkenaan". Walaupun mereka merupakan orang yang "kelihatan mempunyai kawalan ke atas premis-premis
H berkenaan" pihak pempetisyen telah gagal untuk membuktikan secara "beyond reasonable doubt" yang mereka sebenarnya telah melakukan "acts of contempt" seperti yang didakwa oleh pempetisyen.

I

Pendapat

[14] Secara keseluruhan, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa pihak pempetisyen telah gagal untuk membuktikan kesnya terhadap kesemua empat orang yang berkenaan secara "beyond reasonable doubt" terhadap dakwaan "act of contempt" seperti yang didakwa oleh pempetisyen. Atas alasan itu mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa permohonan pempetisyen untuk mengkomit kesemua empat orang berkenaan (seperti di dalam kandungan 27) adalah ditolak dengan kos.